



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

---

ISNIN, 1 APRIL 2024

LAPORAN HARIAN





UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

1/4/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	<b>MINISTER SAYS MORE COMPANIES, NGOS NEED TO COME FORWARD TO CONTRIBUTE TO NATIONAL WELFARE FOUNDATION'S PROGRAMMES</b>	
	<a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/03/31/minister-says-more-companies-ngos-need-to-come-forward-to-contribute-to-national-welfare-foundations-programmes/126551">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/03/31/minister-says-more-companies-ngos-need-to-come-forward-to-contribute-to-national-welfare-foundations-programmes/126551</a>	MALAYMAIL.COM
	<a href="https://thesun.my/local_news/more-companies-ngos-need-to-come-forward-for-ykn-s-welfare-programmes-nancy-HJ12281767">https://thesun.my/local_news/more-companies-ngos-need-to-come-forward-for-ykn-s-welfare-programmes-nancy-HJ12281767</a>	THESUN.MY
	<a href="https://www.bernama.com/en/news.php?id=2284421">https://www.bernama.com/en/news.php?id=2284421</a>	BERNAMA.COM
	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2284412">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2284412</a>	BERNAMA.COM
	<a href="https://thesun.my/cerita/berita/lebih-banyak-syarikat-swasta-ngo-perlu-kerjasama-dengan-ykn-anjur-program-kebajikan-nancy-AJ12281573">https://thesun.my/cerita/berita/lebih-banyak-syarikat-swasta-ngo-perlu-kerjasama-dengan-ykn-anjur-program-kebajikan-nancy-AJ12281573</a>	THESUN.MY
	<a href="https://suarasarawak.my/kerjasama-syarikat-korporat-ngo-dengan-yayasan-kebajikan-negara-beri-manfaat-kepada-semua-pihak/">https://suarasarawak.my/kerjasama-syarikat-korporat-ngo-dengan-yayasan-kebajikan-negara-beri-manfaat-kepada-semua-pihak/</a>	SUARASARAWAK.MY
	<a href="https://www.tvsarawak.my/2024/03/31/gerak-program-kebajikan-ykn-lebih-banyak-syarikat-swasta-dan-ngo-perlu-tampil-nancy/">https://www.tvsarawak.my/2024/03/31/gerak-program-kebajikan-ykn-lebih-banyak-syarikat-swasta-dan-ngo-perlu-tampil-nancy/</a>	TVSARAWAK.MY
	<a href="https://www.theborneopost.com/2024/03/31/cultivate-refine-skills-for-better-future-nancy-tells-welfare-home-residents/">https://www.theborneopost.com/2024/03/31/cultivate-refine-skills-for-better-future-nancy-tells-welfare-home-residents/</a>	THEBORNEOPOST.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
2	<b>SYARIKAT KORPORAT DAN NGO YANG MENYUMBANG MENDAPAT PENGECUALIAN CUKAI DARIPADA KERAJAAN</b>	
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/03/31/syarikat-korporat-dan-ngo-yang-menyumbang-mendapat-pengecualian-cukai-daripada-kerajaan">https://www.utusanborneo.com.my/2024/03/31/syarikat-korporat-dan-ngo-yang-menyumbang-mendapat-pengecualian-cukai-daripada-kerajaan</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY
	<a href="https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/ngo-boleh-mohon-pengecualian-cukai-menerusi-kerjasama-dengan-ykn-x8w2ovc">https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/ngo-boleh-mohon-pengecualian-cukai-menerusi-kerjasama-dengan-ykn-x8w2ovc</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=CR2OIZiOsFo">https://www.youtube.com/watch?v=CR2OIZiOsFo</a>	YOUTUBE



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

1/4/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
3	<b>PERDAGANG WANITA UNTUK EKSPLOITASI SEKS: BURUH TUKAR PENGAKUAN KEPADA TIDAK BERSALAH</b>	
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/perdagang-wanita-untuk-eksploitasi-seks-buruh-tukar-pengakuan-kepada-tidak-bersalah-464652">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/perdagang-wanita-untuk-eksploitasi-seks-buruh-tukar-pengakuan-kepada-tidak-bersalah-464652</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://pre-www.bharian.com.my/berita/kes/2024/03/1230067/buruh-tukar-pengakuan-memperdagangkan-wanita-untuk-eksploitasi-seks">https://pre-www.bharian.com.my/berita/kes/2024/03/1230067/buruh-tukar-pengakuan-memperdagangkan-wanita-untuk-eksploitasi-seks</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://thesun.my/cerita/berita/perdagang-wanita-untuk-eksploitasi-seks-buruh-tukar-pengakuan-kepada-tidak-bersalah-OJ12281258">https://thesun.my/cerita/berita/perdagang-wanita-untuk-eksploitasi-seks-buruh-tukar-pengakuan-kepada-tidak-bersalah-OJ12281258</a>	THESUN.MY
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/03/buruh-tukar-pengakuan-tidak-bersalah-perdagang-wanita/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/03/buruh-tukar-pengakuan-tidak-bersalah-perdagang-wanita/</a>	UTUSAN.COM.MY
	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2284384">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2284384</a>	BERNAMA.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
4	<b>BEKAS PENOLONG PENGARAH MPKB-BRI DIDAKWA CABUL WANITA</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1075825/bekas-penolong-pengarah-mpkb-bri-didakwa-cabul-wanita">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1075825/bekas-penolong-pengarah-mpkb-bri-didakwa-cabul-wanita</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2284449">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2284449</a>	BERNAMA.COM
	<a href="https://thesun.my/cerita/berita/pegawai-pbt-mengaku-tidak-bersalah-cabul-petugas-wanita-di-bawah-seliaan-NJ12281286">https://thesun.my/cerita/berita/pegawai-pbt-mengaku-tidak-bersalah-cabul-petugas-wanita-di-bawah-seliaan-NJ12281286</a>	THESUN.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/657472/berita/semasa/pegawai-mpkb-dituduh-cabul-rakan-sekerja">https://www.sinarharian.com.my/article/657472/berita/semasa/pegawai-mpkb-dituduh-cabul-rakan-sekerja</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pegawai-mpkb-dituduh-cabul-rakan-sekerja-464626">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pegawai-mpkb-dituduh-cabul-rakan-sekerja-464626</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/03/31/bekas-penolong-pengarah-mpkb-bri-didakwa-cabul-pekerja/">https://www.kosmo.com.my/2024/03/31/bekas-penolong-pengarah-mpkb-bri-didakwa-cabul-pekerja/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/03/1230113/bekas-penolong-pengarah-mpkb-bri-didakwa-cabul-kakitangan-sendiri">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/03/1230113/bekas-penolong-pengarah-mpkb-bri-didakwa-cabul-kakitangan-sendiri</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=CMugctT2StQ">https://www.youtube.com/watch?v=CMugctT2StQ</a>	YOUTUBE
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=wUJ8YPwuWHs">https://www.youtube.com/watch?v=wUJ8YPwuWHs</a>	YOUTUBE
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/03/31/bekas-penolong-pengarah-mpkb-bri-didakwa-cabul-pekerja/">https://www.kosmo.com.my/2024/03/31/bekas-penolong-pengarah-mpkb-bri-didakwa-cabul-pekerja/</a>	KOSMO.COM.MY



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM




[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

1/4/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
5	<b>POLIS KELANTAN SAHKAN TERIMA LAPORAN PEDOFILIA TERHADAP MURID LELAKI</b>	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/03/1230124/polis-kelantan-sahkan-terima-laporan-pedofilia-terhadap-murid-lelaki">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/03/1230124/polis-kelantan-sahkan-terima-laporan-pedofilia-terhadap-murid-lelaki</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/657538/berita/semasa/polis-terima-laporan-guru-didakwa-lakukan-pedofilia">https://www.sinarharian.com.my/article/657538/berita/semasa/polis-terima-laporan-guru-didakwa-lakukan-pedofilia</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2284462">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2284462</a>	BERNAMA.COM
	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2024/03/polis-terima-laporan-guru-didakwa-lakukan-pedofilia-ke-atas-pelajar/">https://www.utusan.com.my/berita/2024/03/polis-terima-laporan-guru-didakwa-lakukan-pedofilia-ke-atas-pelajar/</a>	UTUSAN.COM.MY
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/03/31/polis-terima-laporan-guru-mrsm-tumpat-terlibat-kes-pedofilia/">https://www.kosmo.com.my/2024/03/31/polis-terima-laporan-guru-mrsm-tumpat-terlibat-kes-pedofilia/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://thesun.my/cerita/berita/kes-pedofilia-polis-kelantan-panggil-pelajar-dan-guru-PJ12281961">https://thesun.my/cerita/berita/kes-pedofilia-polis-kelantan-panggil-pelajar-dan-guru-PJ12281961</a>	THESUN.MY
	<a href="https://thesun.my/local_news/kelantan-police-call-up-teacher-student-over-pedophilia-case-at-mrsm-JJ12281989">https://thesun.my/local_news/kelantan-police-call-up-teacher-student-over-pedophilia-case-at-mrsm-JJ12281989</a>	THESUN.MY
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1075942/polis-terima-laporan-guru-didakwa-lakukan-pedofilia">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1075942/polis-terima-laporan-guru-didakwa-lakukan-pedofilia</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://malaysiagazette.com/2024/03/31/kes-pedofilia-polis-kelantan-panggil-pelajar-dan-guru/">https://malaysiagazette.com/2024/03/31/kes-pedofilia-polis-kelantan-panggil-pelajar-dan-guru/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
6	<b>GANGGUAN SEKSUAL DALAM TREN: SASPEK SEDANG DIKESAN - PRASARANA</b>	
	<a href="https://www.getaran.my/artikel/semasa/57957/gangguan-seksual-dalam-tren-saspek-sedang-dikesan-prasarana">https://www.getaran.my/artikel/semasa/57957/gangguan-seksual-dalam-tren-saspek-sedang-dikesan-prasarana</a>	GETARAN.MY



## Minister says more companies, NGOs need to come forward to contribute to National Welfare Foundation's programmes



Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri (2nd right) poses for a picture with recipients of National Welfare Foundation's Sinar Kasih Ramadan programme with Alliance Islamic Bank Berhad in Kuching March 31, 2024. — Bernama pic

Sunday, 31 Mar 2024 7:59 PM MYT

KUCHING, March 31 — More local companies and non-governmental organisations (NGOs) need to come forward in mobilising welfare programmes under the National Welfare Foundation (YKN), said Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri.

She said that the efforts implemented nationwide require contributions from strategic partners, to jointly ease the burden of the asnaf community, persons with disabilities (PwDs) and the elderly.

“We encourage companies (to get involved)... if they cooperate with us, they can also get tax exemption, similarly for NGOs, as they can also apply for tax exemption.

“(The welfare programmes) are not only during the Ramadan month, but we also give other items to help the needy, such as the Back to School programme, and strategic partners help us replace items in welfare institutions, such as brand new mattresses and pillows,” she said.


Nancy said this in a press conference after attending YKN's Sinar Kasih Ramadan with Alliance Islamic Bank Berhad here, today.

Nancy said that recently her ministry presented certificates of appreciation to about 30 strategic partners, who contributed to implementing welfare projects with YKN, such as the distribution of food and daily necessities.

Earlier, she welcomed 100 asnaf and disabled children from the Demak Laut and Pantai Damai areas and took them shopping for raya clothes at the Mydin supermarket.

“This initiative is the result of the cooperation of companies through corporate social responsibility activities, particularly with YKN, and Alliance Islamic Bank Berhad has contributed a total of RM35,000 for this sponsorship,” she said.

According to her, Alliance Islamic Bank Berhad, as the main sponsor, also distributed food baskets. — Bernama



## Syarikat korporat dan NGO yang menyumbang mendapat pengecualian cukai daripada kerajaan

© 2024-03-31T19:56:05+08:00



Nancy (dua kiri), Rizal (kanan) dan Nordina (kiri) bercakap pada sidang media pada Majlis Sinar Kasih Ramadan di Mydin Tunku Vista hari ini.

KUCHING: Syarikat korporat dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berasaskan keuntungan digalakkan memberi sumbangan dan sebagai balasan mendapat pengecualian cukai daripada kerajaan.

Demikian kata Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Dato Sri Nancy Shukri kepada pemberita pada sidang media pada Majlis Sinar Kasih Ramadan di Mydin Tunku Vista di sini hari ini.

"Kita galakkan syarikat-syarikat supaya mereka tahu apabila mereka bekerjasama dengan kita, mereka akan mendapat pengecualian cukai sama dengan NGO yang berasaskan keuntungan.

"Sekarang semakin bertambah rakan strategik kita, baru-baru ini iaitu beberapa hari yang lepas kami telah mengeluarkan sekitar 30 sijil kepada rakan strategik yang telah memberi sumbangan," katanya.

Mereka ini memberi pelbagai jenis sumbangan termasuk keperluan dan kegunaan harian seperti bantal, tilam, selimut, lampin pakai buang, pendingin hawa dan banyak lagi.

Namun, penyumbang amat mementingkan kualiti kepada semua barang yang disumbang mereka dan kementerian amat menghargainya, jelas beliau.

Pada masa yang sama, syarikat dan NGO berkenaan akan mendapat status serta nama baik atas sumbangan mereka kepada golongan yang memerlukan.


Kesemua urusan tersebut katanya, dijalankan terus dengan Yayasan Kebajikan Negara (YKN) Malaysia serta pengecualian cukai akan diiktiraf oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia.

Beliau mengucapkan penghargaan kepada para media atas jasa mereka membantu menyebarkan berita dan maklumat kepada orang ramai bagi membuat sumbangan.

Sumbangan Sinar Kasih Ramadan telah bermula sejak tahun lepas memanfaatkan lebih daripada 1,000 orang di seluruh negara.

Seramai 100 orang penerima daripada kalangan kanak-kanak orang kurang upaya (OKU) menerima sumbangan bernilai RM35,000 daripada rakan strategik kementerian, Alliance Islamic Bank Berhad.

Nancy yang juga Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YKN Malaysia ditemani Ketua Pegawai Eksekutif YKN Malaysia Nordina Haron, Ketua Pegawai Eksekutif Alliance Islamic Bank Berhad Rizal Il-Ehzan Fadil Azim, Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita Dr Wan Nur Ibtisam Wan Ismail dan Timbalan Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Sarawak Mohd Ali Taib.



## Polis Kelantan sahkan terima laporan pedofilia terhadap murid lelaki

Oleh Hazira Ahmad Zaidi - Mac 31, 2024 @ 9:08pm  
bhnews@bh.com.my



Muhamad Zaki (tengah) menyampaikan bakul makanan kepada pegawainya ketika menghadiri Majlis Iftar Ramadan Perdana Sempena Peringatan Hari Polis Ke-217 Kontingen Kelantan Tahun 2024 di pekarangan IPK Kelantan hari ini. - Foto NSTP/Hazira Ahmad Zaidi

KOTA BHARU: Polis mengesahkan sudah menerima laporan mengenai seorang guru Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) di Tumpat yang didakwa melakukan aktiviti pedofilia terhadap seorang pelajar lelaki.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Muhammad Zaki Harun, berkata laporan itu dibuat oleh pelajar terbabit dan pada masa sama pihaknya juga akan cuba mendapatkan keterangan daripada beberapa saksi yang lain.

Beliau berkata, polis akan melihat mengenai kebenaran dalam apa yang dinyatakan menerusi keterangan daripada saksi dan perkara itu dipercepatkan supaya siasatan dibuat secara telus dan adil serta tidak menyebelahi mana-mana pihak.

"Semua saksi, termasuk guru, pelajar dan sesiapa yang pernah dihubungi guru berkenaan diminta tampil untuk membantu siasatan yang mengambil kira dalam semua aspek termasuk kandungan WhatsApp yang dihantar.

"Siasatan dilakukan secara terperinci dan jika perlu, ia akan disiasat mengikut Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia dan Seksyen 500 Kanun Keseksaan kerana mengeluarkan kenyataan berunsur fitnah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menghadiri Majlis Iftar Ramadan Perdana Sempena Peringatan Hari Polis Ke-217 Kontingen Kelantan Tahun 2024 di pekarangan Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kelantan, di sini, hari ini.

Muhamad Zaki berkata, saksi diminta tampil memberi keterangan dan jika mahu dirahsiakan boleh menghubungi pihak polis secara terus untuk membantu siasatan.

"Pada masa sama, siasatan dalaman dilakukan Majlis Amanah Rakyat (MARA) turut membantu dan mungkin juga pihak kami akan mendapatkan pandangan daripada mereka berhubung perkara ini," katanya.

Media semalam melaporkan, MARA sudah mengarahkan siasatan segera dan menyeluruh terhadap seorang guru yang didakwa melakukan pedofilia di MRSM di Tumpat, Kelantan.

Pengerusinya, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki, dilaporkan berkata, satu pasukan dari ibu pejabat MARA sudah ditubuhkan bagi meneruskan siasatan, termasuk akan mengunjungi MRSM Tumpat dalam tempoh terdekat.



## Gangguan Seksual Dalam Tren: Saspek Sedang Dikesan - Prasarana

SEMASA DIKEMASKINI 11 JAM YANG LALU - DITERBITKAN PADA 31 MAR 2024 8:18AM



Tangkap layar saspek yang dikatakan melakukan gangguan seksual ke atas seorang wanita ketika berada dalam tren beberapa hari lalu - gambar TikTok

OLEH

**Sophia  
Ahmad**



KONGSI ARTIKEL INI



**K**UALA LUMPUR - Unit Tindakan Khas Polis Bantuan Prasarana akan bekerjasama dengan pihak berkuasa bagi menjalankan tindakan susulan untuk mengenalpasti dan mengesan seorang lelaki, yang didakwa melakukan gangguan seksual dalam sebuah tren.

Jurucakap Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) berkata, kejadian berkenaan dilaporkan berlaku 26 Mac lalu.

Menurut beliau, mangsa iaitu seorang wanita sedang dalam perjalanan dari Stesen MRT Ampang Park ke Stesen MRT Putrajaya Sentral.

“Kami merujuk kepada ciapan yang tular di media sosial berkenaan satu kes gangguan seksual yang berlaku dalam sebuah tren MRT Laluan Putrajaya.

“Suspek telah bertindak melakukan gangguan seksual dan mengeluarkan kata-kata berunsur ugutan kepada mangsa dan beberapa wanita lain,” katanya.


Jelas jurucakap itu, Prasarana susulan kejadian telah menghubungi mangsa bagi mendapatkan maklumat terperinci dan butiran lanjut mengenai saspek.

“Penelitian menerusi rakaman kamera litar tertutup (CCTV) turut dibuat selain visual daripada rakaman yang dilakukan oleh mangsa.

“Kami menyeru kepada semua penumpang yang mengalami gangguan seksual agar melaporkan kepada pihak kami agar tindakan segera dapat diambil,” katanya.

Baru-baru ini, video insiden berkenaan tular di media sosial selepas dimuat naik di X.

Tinjauan Getaran bagaimanapun mendapati ciapan tersebut telah dipadamkan. - Getaran, 31 Mac 2024



TAJUK :	42 NEEDY FAMILIES FROM KAMPUNG HULU NYALAU RECEIVE FOOD BASKETS FROM YAYASAN BINTULU PORT		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	1 APR 2024	M/SURAT :	07
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

## 42 needy families from Kampung Hulu Nyalau receive food baskets from Yayasan Bintulu Port

**BINTULU:** A total of 42 needy families from Kampung Hulu Nyalau here received food baskets from Yayasan Bintulu Port during the Ramadan Safari programme recently.

The breaking of fast event with the local community was held at Balai Raya Kampung Hulu Nyalau.

Officiating at the event was Bintulu Port Holdings Berhad group chief executive officer Ruslan Abdul Ghani.

The company in a statement said the iftar ceremony with the community is one of the corporate social responsibility programmes under Yayasan Bintulu Port.

The programme was organised in collaboration with the Islamic Welfare Committee (JKI) of Bintulu Port and the residents of Kampung Hulu Nyalau.

"This kind of programme is an initiative of the Bintulu Port company in the month of Ramadan to further strengthen the relationship between the community and the Bintulu Port



Ruslan (centre) and the local villagers and Bintulu Port employees pose for a group photo when preparing the 'bubur pedas'.

company and help those in need through donations," it said.

The Ramadan Safari programme this time, was enlivened with mutual cooperation activities between

the villagers and company's staff in the preparation of food for the breaking of fast.

During the event, the company also donated an audio system to the Masjid Darul Ibadah

committee.

Also present were BPHB Corporate Services senior manager and chairperson of the programme Maslihah Tioh and JKI members.



TAJUK : 219 FAMILIES FROM SUNGAI RAIT'S MUSLIM COMMUNITY SERVED WITH CHICKEN CURRY PACKS FOR RAMADAN

HARI : ISNIN AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 1 APR 2024 M/SURAT : 07

TONE : POSITIF SEKTOR : KPWKM

## 219 families from Sungai Rait's Muslim community served with chicken curry packs for Ramadan

**MIRI:** A total of 219 Muslim families in the People's Housing Scheme (PPR) in Sungai Rait received packs of chicken curry on Friday.

The dish was prepared by members of the Jiran Wanita Kawasan Rukun Tetangga (KRT) PPR Sungai Rait and the Women's Bureau of Surau As-Syafie PPR Sungai Rait in conjunction with the month of Ramadan.

Additionally, some 12 single mothers, orphans, and individuals with disabilities (OKU) received food rations together with the chicken curry dish from the organiser.

The cooking process involved 30 volunteers who assisted in packaging and distributing the dish to the recipients.



The volunteers packing the chicken curry dish to be distributed to the Muslim families in Sungai Rait.

Also present at the event was Surau As-Syafie chairman Jaffarie Kassim, and Jiran Wanita Councillor Rahim Unsang, KRT PPR Sungai Rait chairman Jaffarie Kassim, and Jiran Wanita chairlady Rabuyah Jamali.



TAJUK : FAMILIES IN KAMPUNG WIRELESS RECEIVE RAMADAN FOOD AID

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 1 APR 2024

M/SURAT : 06

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

## Families in Kampung Wireless receive Ramadan food aid

**MIRI:** Some 61 families of Kampung Wireless received food aid and packs of bubur lambuk at the 'Bakul Kasih & Bubur Lambuk Ramadan 2024' programme at the village's community hall here last Saturday.

The food aid distribution programme meant to reach out to those in need was a joint initiative by the Federation of Sarawak Journalists Association (FSJA), the Sarawak Oil Palms

(SOP) Foundation, Liansin Trading Sdn Bhd and Tong Seng Huat Rice Trading Sdn Bhd.

The event was attended by Deputy Minister for Tourism, Creative Industry and Performing Arts Sarawak Datuk Sebastian Ting, together with deputy mayor Ariffin Mohamad.

"With the rising cost of living, this is a challenging time. Thus, with the Hari Raya Aidilfitri

approaching, we hope the food aid distribution can alleviate the recipients' burden," said FSJA president Andy Jong.

He also extended his appreciation and gratitude to the private firms involved in FSJA's charitable cause.

The final round of the distribution programme was held yesterday at Kampung Senadin Jaya where 33 household recipients received the aid.



Ting (fifth left) witnesses the food aid distribution to the recipients representing the Kampung Wireless households.



TAJUK :	BSN LAKSANA PROGRAM 'SEWING SEEDS OF HOPE' PERKASA WANITA DALAM JAHITAN, PERNIAGAAN		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	1 APR 2024	M/SURAT :	10
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

## BSN laksana program 'Sewing Seeds Of Hope' perkasa wanita dalam jahitan, perniagaan

**PETALING JAYA:** Bank Simpanan Nasional (BSN) dengan kerjasama Women Of Will (WOW) melaksanakan program 'BSN Care Raya 2024: Sewing Seeds of Hope' bagi memperkasakan komuniti wanita di kawasan perumahan Program Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang dalam bidang jahitan dan perniagaan.

Ketua Pegawai Eksekutif BSN Jay Khairil Jeremy berkata melalui program tanggungjawab sosial korporat itu, BSN menyumbangkan sebanyak RM50,000 termasuk peralatan jahitan kepada Pusat Jahitan

Komuniti Lembah Subang bagi membolehkan komuniti wanita di kawasan berkenaan menjahit pakaian lebih bermutu.

"Difahamkan PPR Lembah Subang ini mempunyai lapan blok dengan kepadatan penduduk sekitar 16,000 orang, jadi objektif kita untuk bantu komuniti di sini bukan sahaja dalam bentuk kewangan dan sebagainya tetapi lebih kepada untuk pastikan komuniti wanita di sini ada kemampuan untuk berkecimpung dalam perniagaan melalui jahitan.

"Melalui program ini juga, sebanyak 200 helai baju raya

kanak-kanak dan dewasa telah kita agihkan hari ini, dengan dijahit oleh seramai 11 ahli WOW terdiri daripada komuniti PPR Lembah Subang sendiri," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada majlis Penyerahan Sumbangan Baju Raya Kepada Komuniti PPR Lembah Subang hari ini.

Menurutnya, BSN akan terus melaksanakan pelbagai program tanggungjawab sosial korporat pada masa akan datang bagi berkongsi rezeki sekali gus membantu masyarakat yang memerlukan. — Bernama



**KENANGAN:** Jay Khairil (tengah) bergambar bersama penerima-penerima sumbangan baju raya pada Majlis Penyerahan Sumbangan Baju Raya kepada Komuniti PPR Lembah Subang di Dewan Blok D, PPR Lembah Subang, Petaling Jaya semalam. — Gambar Bernama



## Perdagang wanita untuk eksploitasi seks: Buruh tukar pengakuan kepada tidak bersalah

Bernama  
Mac 31, 2024 18:20 MYT



Mohamad Fazley dibawa ke Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu hari ini. - Gambar/ Bernama

**KUALA TERENGGANU:** Seorang buruh binaan yang didakwa memperdagang seorang wanita berusia 29 tahun bagi tujuan eksploitasi seks pada 11 Mac lepas hari ini menukar pengakuan kepada tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini.

Mohamad Fazley Jaafar, 29, membuat pengakuan itu setelah pertuduhan dibacakan semula di hadapan Hakim Mohd Zul Zakiqudin Zulkifli.

Bagaimanapun, rakannya yang juga seorang guru, Mohd Hasfyanizam Mansor, 48, mengekalkan pengakuan tidak bersalah dalam kes sama.

Susulan itu, Timbalan Pendakwa Raya Iffah Nabihah Mohd Ishak memohon mahkamah menetapkan tarikh lain untuk sebutan semula kes dan serahan dokumen.

Semasa prosiding, Iffah Nabihah memohon agar tiada jaminan diberikan namun peguam Ghazali Ismail memohon budi bicara mahkamah untuk memberikan jumlah yang rendah atas alasan kedua-dua anak guamnya adalah ketua keluarga dan mempunyai isteri serta anak-anak masih bersekolah yang perlu ditanggung.


Mohd Zul Zakiqudin membenarkan setiap tertuduh diikat jamin RM12,000 dengan seorang penjamin dan mengarahkan Mohamad Fazley serta Mohd Hasfyanizam masing-masing melapor di Balai Polis Kerteh dan Balai Polis Kuala Terengganu setiap bulan.

Mahkamah kemudian menetapkan 22 April ini sebagai sebutan semula kes dan serahan dokumen.

Pada 21 Mac lepas, Mohamad Fazley mengaku bersalah selepas tiga kali menukar pengakuan bagi kesalahan itu dan mahkamah menetapkan hari ini untuk menjatuhkan hukuman ke atasnya dan sebutan semula kes bagi Mohd Hasfyanizam yang diarah mendapatkan khidmat peguam untuk permohonan jaminan.

Mereka didakwa melakukan perbuatan itu di sebuah kondominium di Jalan Sultan Omar di sini pada 2.35 pagi 11 Mac lepas mengikut Seksyen 12 Akta Anti Pamerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran 2007 dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Jika sabit kesalahan, kedua-dua tertuduh berdepan hukuman maksimum penjara 20 tahun dan boleh dikenakan denda.



TAJUK : PEGAWAI PBT MENGAKU TIDAK BERSALAH CABUL PETUGAS WANITA DI BAWAH SELIAAN

HARI : ISNIN

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 1 APR 2024

M/SURAT : 07

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

## Pegawai PBT mengaku tidak bersalah cabul petugas wanita di bawah seliaan

**KOTA BHARU:** Seorang pegawai pihak berkuasa tempatan (PBT) di sini mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret di sini atas dua pertuduhan mencabul seorang petugas wanita di bawah seliaannya pada Oktober tahun lepas.


Syahrul Nizam Shuib, 45, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan terhadap-

nya dibacakan di hadapan Majistret Rais Imran Hamid.

Dia didakwa melakukan kedua-dua kesalahan terhadap mangsa yang berusia 23 tahun di pejabatnya kira-kira 9.30 pagi pada 24 dan 26 Okt 2023 mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman maksimum penjara 10 tahun atau

denda atau sebatan atau mana-mana dua hukuman jika sabit kesalahan.

Mahkamah membenarkan Syahrul Nizam diikat jamin RM5,000 dengan seorang penjamin dan mengenakan syarat tambahan iaitu tertuduh tidak boleh mengganggu mangsa dan saksi pendakwaan sehingga kes selesai. — Bernama



## Bekas Penolong Pengarah MPKB-BRI didakwa cabul wanita

Hidayatidayu Razali  
am@hmetro.com.my



Bekas Penolong Pengarah di Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB-BRI), Syahrul Nizam Shuib, 45, didakwa di Mahkamah Majistret di sini, hari ini, atas dua pertuduhan mencabul kehormatan wanita berusia 23 tahun di sebuah pejabat MPKB. FOTO NIK ABDULLAH NIK OMAR

Kota Bharu: Bekas Penolong Pengarah di Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB-BRI) didakwa di Mahkamah Majistret, di sini, hari ini atas dua tuduhan mencabul kehormatan wanita, Oktober lalu.

Bagaimanapun, tertuduh Syahrul Nizam Shuib, 45, mengaku tidak bersalah atas pertuduhan yang dibacakan di hadapan Majistret Rais Imran Hamid.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa menggunakan kekerasan jenayah dengan niat untuk mencabul kehormatan wanita berusia 23 tahun di sebuah pejabat MPKB, kira-kira 9.30 pagi, pada 12 Oktober 2023.

Bagi pertuduhan kedua, lelaki itu didakwa melakukan perkara sama di pejabat yang sama, kira-kira 9.30 pagi, 26 Oktober 2023.

Pendakwaan dijalankan Timbalan Pendakwa Raya Syazalia Che Suhaimin, manakala tertuduh diwakili peguam Muhammad Fariduddin Mat Noor.

Terdahulu, Muhammad Fariduddin memohon mahkamah mengenakan ikat jamin minimum kepada anak guamnya kerana tertuduh menanggung seorang isteri, dua anak dan ibu bapa yang sudah uzur.

Katanya, anak guamnya tidak mempunyai rekod jenayah lampau dan seorang pekerja yang memberi komitmen kepada tugas.

"Saya yakin anak guam saya tidak akan mengganggu mangsa, keluarga dan saksi kes," katanya.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM5,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 28 Mei depan sebagai tarikh sebutan semula.